


# Utamakan merit, bidang



OLEH  
MOHD SAIPUL ADLI  
MOHAMAD

**K**ETIKA Konvensyen Parti Progresif Rakyat (PPP) Wilayah Persekutuan 2010 di Dewan Tun Hussein Onn, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) pertengahan bulan lalu, ada dua persoalan ditimbulkan Presiden parti itu, Datuk M Kayveas.

Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin yang juga Menteri Pelajaran, hadir merasmikan konvensyen itu dan Kayveas menyuarakan cadangan supaya menjadikan bahasa ibunda iaitu Tamil dan Mandarin sebagai subjek peperiksaan di sekolah.

Selain itu, Kayveas meminta kajian dan penerangan terhadap kriteria pemilihan perenerima biasiswa Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) memandangkan wujud dakwaan pelajar yang layak tidak memperoleh pembiayaan itu.

Amat jelas, selain Kayveas dan PPP, banyak lagi pihak keliru dan mengharapkan penerangan terperinci mengenai biasiswa itu. Ia penting supaya tidak wujud sebarang keraguan dan persoalan, terutama di kalangan mereka yang merasakan diri layak menerimanya.

Berikut itu, Pejabat Tim-

## Ringkasan kriteria pemilihan, bidang dan agihan bagi penajaan PILN yang diluluskan oleh Jemaah Menteri pada Januari 2009

ASAS-ASAS	KATEGORI PILN			
	1 KECEMERLANGAN AKADEMI	2 POPULASI KAUM	3 BUMIPUTERA SABAH & SARAWAK	4 SOCIALLY DISADVANTAGED
PRESTASI PEMILIHAN	Minimum 9A dalam semua mata pelajaran mengikut bidang pengajian yang dipohon	Minimum 9A dalam semua mata pelajaran mengikut bidang pengajian yang dipohon	Minimum A dalam kombinasi mata pelajaran ikut bidang serta sekurang-kurangnya lulus dalam mata pelajaran lain yang diambil	
KRITERIA PEMILIHAN	85% - akademik 10% - kokurikulum 5% - temuduga - Ujian Khas	75% - akademik 10% - sosioekonomi 10% - kokurikulum 5% - temuduga - Ujian Khas	65% - akademik 25% - sosioekonomi 5% - kokurikulum 5% - temuduga - Ujian	
BILANGAN TEMPAT	20%	20%	10%	10%
BIDANG	Kritikal (Perubatan, Penggian, Farmasi dan Sains Perubatan Veterinar), Profesional (Kejuruteraan, Perakaunan, Undang-undang dan Senibina) Strategik (Sains, Bioteknologi, Sains Pertanian dan Teknologi maklumat), Keutamaan (Perancangan Bandar, Ukur bahan, Sains Sosial dan Sastera (kritis) dan bidang-bidang lain yang ditetapkan oleh kerajaan			

balan Perdana Menteri, semalam mengeluarkan kenyataan mengenai program penajaan JPA 2010 bagi lulusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2009 bagi menjelaskan kekeliruan pelajar dan ibu bapa mengenai kaedah pengurusan dan penawaran biasiswa itu.

Kerajaan melalui JPA sememangnya meneruskan penajaan kepada pelajar cemerlang untuk melanjutkan pelajaran di dalam dan di luar negara pada peringkat Ijazah Pertama.

Tajaan biasiswa memberi fokus kepada bidang kritikal seperti Perubatan, Penggian, Farmasi, Sains Perubatan Veterinar, Kejuruteraan, Sains dan Teknologi serta Sains Sosial kerana tenaga sumber manusia dalam bidang itu amat diperlukan perkhidmatan awam dan negara.

“Permohonan sudah dibuka melalui laman sesawang JPA iaitu www.jpa.gov.my mulai 11 hingga 17 Mac 2010.

“Kriteria diguna pakai untuk pemilihan/penawaran biasiswa Kerajaan/JPA membabitkan empat perkara iaitu

membabitkan Program Ijazah Luar Negara (PILN) dan Program Ijazah Dalam Negara (PIDN).

Beliau berkata, PILN adalah program tajaan kepada pelajar cemerlang lepasan SPM untuk mengikuti program Ijazah Pertama di universiti luar negara.

“PILN 2010 ditawarkan khusus kepada lepasan SPM 2009 memperoleh keputusan cemerlang berdasarkan kombinasi sembilan mata pelajaran mengikut bidang pengajian yang dipohon pelajar dan bagi PILN 2010, kerajaan menyediakan sebanyak 1,500 biasiswa.

“Permohonan sudah dibuka melalui laman sesawang JPA iaitu www.jpa.gov.my mulai 11 hingga 17 Mac 2010.

“Kriteria diguna pakai untuk pemilihan/penawaran biasiswa Kerajaan/JPA membabitkan empat perkara iaitu

## Bilangan Penajaan (PILN dan PIDN) yang telah ditawarkan mengikut kaum dan program untuk tahun 2010

BIL	KAUM	PILN	UNIVERSITI PENYELIDIKAN		IPT DAN KAMPUS CAWANGAN		JUMLAH		
			BILANGAN TAWARAN	%	BILANGAN TAWARAN	%			
1	Bumiputera	971	55.5	31	31	1,169	62	2,171	58
	Melayu	738	42	31	31	1,169	62	1,938	51.7
	Bumiputera Sarawak	128	7	0	0	0	0	128	3.4
	Bumiputera Sabah	102	6	0	0	0	0	102	2.7
	Lain-lain	3	0.5	0	0	0	0	3	0.2
	Bukan Bumiputera	779	44.5	69	69	731	38	1,579	42
2	Cina	603	34	61	61	479	25	1,143	30
	India	161	9	7	7	193	10	361	10
	Lain-lain	15	1.5	1	1	59	3	75	2
	Jumlah	1,750	100	100	100	1,900	100	3,750	100

pencapaian akademik; pembabitan dalam kegiatan ko-kurikulum; sosio-ekonomi/latar belakang keluarga dan prestasi temu duga,” katanya.

Muhyiddin berkata, pada 2009, seramai 465,853 calon menduduki SPM berbanding 442,936 orang pada 2008.

Beliau berkata, bagi permohonan PILN 2010, JPA menerima sebanyak 18,844 permohonan dan daripada jumlah itu, 10,956 permohonan diterima daripada calon melepas syarat/gred minimum ditetapkan mengikut bidang pengajian.

“Peningkatan bilangan calon menjadikan PILN 2010 lebih kompetitif. Sebanyak 8,948 atau 47 peratus permohonan bagi Bumiputera membabitkan Melayu dan Bumiputera lain dengan 3,929 orang menghadiri temu duga.

“Manakala 9,896 atau 53

banyak 1,750.

“Selepas penambahan 250 lagi tempat itu, bilangan penajaan ditawarkan adalah 971 atau 55.5 peratus bagi Bumiputera manakala 779 atau 44.5 peratus bagi bukan Bumiputera,” katanya.

Muhyiddin berkata, selain penajaan ke luar negara, kerajaan turut menaja pelajar cemerlang ke Institusi Pengajian Tinggi (IPT) tempatan menerusi PIDN selaras dengan dasar kerajaan untuk memartabatkan IPT tempatan ke arah menjadikan negara sebagai pusat kecemerlangan dalam penyelidikan dan pembelajaran.

Beliau berkata, selaras dengan hasrat itu, sebanyak 100 penajaan disediakan kepada pelajar cemerlang lepasan SPM 2009 untuk mengikuti pengajian ke empat universiti penyelidikan di Malaysia

membabitkan Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Universiti Malaya (UM).

Menurutnya, pecahan penajaan ke universiti penyelidikan membabitkan 31 untuk Bumiputera dan 69 untuk bukan Bumiputera.

“Di samping itu, sebanyak 1,900 penajaan ditawarkan kepada pelajar cemerlang yang tidak terpilih di bawah PILN untuk mengikuti pengajian ke IPT tempatan dan kampus cawangan Universiti of Nottingham, Monash University, Swinburne Uni-

lege dan International Medical University.

Menurutnya, bagi bidang kejuruteraan, 410 tempat disediakan di Perancis, Jerman, Amerika Syarikat (AS) dan lain-lain. Bakinya adalah bagi bidang keutamaan dan strategik yang lain.

"Pemilihan pelajar berasaskan merit kriteria dan bidang ditetapkan bagi kuota 1,500 penerima. Hasilnya, seramai 843 calon Bumiputera dipilih berdasarkan empat kriteria utama itu manakala 657 calon bagi bukan Bumiputera.

"Selepas keputusan PILN diumumkan pada 21 Mei 2010, seramai 59 pelajar menolak tawaran JPA dan sebanyak 4,298 rayuan diterima. Daripada bilangan itu, terdapat 1,218 rayuan adalah terdiri daripada calon yang mendapat sekurang-kurangnya 9A+.

"Sehubungan itu, pada 9 Jun lalu, Perdana Menteri (Datuk Seri Najib Razak) bersetuju dengan cadangan penambahan sebanyak 250 penajaan di bawah PILN bagi 2010 menjadikan bilangan penajaan keseluruhannya se-

ly 6,000 orang, iaitu Swinburne University, Swinburne University of Technology dan Curtin University of Technology serta IPT terpilih untuk bidang kritikal dan strategik.

"Pelajar yang berjaya dipilih akan ditaja di peringkat matrikulasi/asasi/prau-uni-versiti dan seterusnya ke peringkat ijazah pertama sekiranya melepas syarat akademik yang ditetapkan ketika di peringkat kursus persediaan.

"Bilangan penajaan yang ditawarkan adalah 1,169 atau 62 peratus untuk Bumiputera manakala 731 atau 38 peratus untuk bukan Bumiputera," katanya.

Muhyiddin berkata, bilangan pelajar ditawarkan penajaan untuk PILN dan PIDN adalah termasuk semua pemohon yang mendapat sekurang-kurangnya A+ dalam sembilan mata pelajaran.

Beliau berkata, bagi menampung kos pengajian pelajar seramai 3,750, kerajaan memerlukan peruntukan sebanyak RM1.96 bilion untuk sepanjang pengajian.